



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Adab Bersungkai Mengikut Sunnah Rasulullahi Shallallahu 'Alaihi Wasallam

Bahagian Pertama

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Apabila tiba waktu berbuka puasa atau bersungkai sudah setentunya menimbulkan rasa kegembiraan kepada orang yang berpuasa kerana sudah sampai masanya untuk melepaskan diri daripada rasa dahaga dan lapar. Namun yang penting, selain bersungkai itu sebagai menghilangkan rasa kehausan dan lapar di siang hari, bersungkai itu juga akan menimbulkan rasa kegembiraan di atas ibadat puasa yang telah sempurna dikerjakan. Perasaan kegembiraan ketika bersungkai ini ada disebutkan dalam sebuah hadis Qudsi:

()

Maksudnya: *“Orang yang berpuasa memperoleh dua kegembiraan yang dia merasa girang dengan keduanya: apabila bersungkai dia bergembira, dan apabila menghadap Tuhannya, dia bergembira dengan puasanya.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Kegembiraan bersungkai disebabkan tiba masa diharuskan berbuka disamping dapat menghilangkan rasa dahaga dan lapar ini merupakan perkara yang lumrah. Namun bagi sebahagian ulama, kegembiraan ini adalah hasil daripada kesempurnaan ibadat puasa yang mereka kerjakan itu di samping kegembiraan mendapat balasan pahala.

Kita hendaklah bersyukur kerana telah diberi pertolongan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam menyempurnakan ibadah puasa. Perasaan syukur ini dapat kita praktikkan ketika kita bersungkai dengan mengikut adab bersungkai itu. Janganlah kerana terlalu asyik bersungkai kita tidak menghiraukan adab bersungkai itu. Bersungkai itu ada adabnya sepertimana yang diajarkan dan diamalkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Di antara adab bersungkai sepertimana yang telah diamalkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* adalah seperti berikut:

1. Menyegerakan Bersungkai

Sunat menyegerakan bersungkai setelah yakin melihat matahari terbenam atau setelah mendengar azan Maghrib yang dilaungkan oleh orang adil yang tahu mengenai waktu berbuka puasa. Jika seseorang itu senghaja melewatkan bersungkai sedangkan dia tahu fadhilat yang ada pada menyegerakan bersungkai itu, hukumnya adalah makruh. Namun tidak pula menjadi makruh jika dia tidak bermaksud untuk melewatkan bersungkai itu. Maka elakkanlah dari melewatkan bersungkai kerana apabila melewatkan bersungkai, akan hilanglah pahala sunat dan menjadilah hukum bersungkai itu makruh.

Diriwayatkan daripada Sahl bin Sa'd *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Manusia (umat Islam) akan sentiasa berada dalam kebaikan selama mereka menyegerakan sungkai.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menunjukkan umat Islam akan sentiasa memperolehi kebaikan selama mereka mengikut sunnah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam menyegerakan bersungkai.

2. Bersungkai Dengan Buah Ruthab

Sunat memulakan sungkai dengan memakan buah *ruthab* iaitu kurma yang telah masak sebelum menjadi *tamar* dan rasanya lunak manis. Sekiranya tidak ada buah *ruthab*, mulakanlah sungkai dengan buah *tamar* iaitu kurma yang telah kering. Adalah lebih sempurna jika buah *tamar* itu dimakan sebanyak tiga biji. Dan sekiranya tidak ada buah *tamar*, mulakanlah sungkai dengan meminum beberapa teguk air.

Urutan memulakan sungkai dengan buah *ruthab*, kemudian buah *tamar*, dan seterusnya air ini adalah merupakan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas *Radhiallahu 'anhu*, katanya:

.

()

Maksudnya: “*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersungkai dengan beberapa biji ruthab sebelum menunaikan sembahyang (fardhu Maghrib), sekiranya tiada ruthab, maka dengan beberapa biji tamar, dan sekiranya tiada, maka baginda minum beberapa teguk air.*”

(Hadis riwayat Abu Daud)

As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah Ta'ala* dalam kitab *Hasyiyah I'alah ath-Thalibin* ada menyebutkan mengenai perkara ini dengan berkata: “Adalah *afdhal* memulakan sungkai dengan memakan buah *ruthab*, sekiranya buah *ruthab* tidak ada, maka dengan buah tamar iaitu dengan mendahulukan buah tamar ‘ajwah (buah kurma yang ditaruh di dalam karung) kemudian buah tamar *al-busr* (buah kurma mentah sebelum menjadi *ruthab*), sekiranya buah tamar tidak ada, maka dengan air, jika ada air *zam-zam* adalah lebih baik, sekiranya tidak ada, maka dengan *al-haluw* iaitu apa yang belum terkena api seperti kismis, susu dan madu, akan tetapi memulakan sungkai dengan susu adalah *afdhal* daripada madu, bahkan daging adalah lebih *afdhal* daripada susu dan madu, kemudian jika tidak ada, dengan *al-halwa'* iaitu dengan *juadah manis*.”

3. Menyegerakan Mengerjakan Sembahyang Maghrib

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersungkai dengan beberapa biji buah *ruthab* sebelum baginda menunaikan sembahyang fardhu Maghrib. Ini menunjukkan bahawa baginda menyegerakan sembahyang Maghrib selepas berbuka dengan buah *ruthab*, tamar atau air sebagaimana hadis riwayat Abu Daud yang disebutkan terdahulu. Keadaan ini jika sekiranya makanan belum dihidangkan.

Jika sekiranya makanan telah dihidangkan di depan mata, maka makruh meninggalkan makanan untuk menunaikan sembahyang. Ini berdasarkan hadis daripada Anas bin Mâlik *Radhiallahu 'anhu*, Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Apabila telah dihidangkan makanan malam, maka kamu mulakanlah ia sebelum kamu menunaikan sembahyang Maghrib, dan jangan kamu tergopoh-gapah terhadap makanan malam kamu itu.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Perkara mendahulukan makan daripada sembahyang apabila makanan telah terhidang di depan mata ini sebenarnya bukan khusus semasa bersungkai atau sembahyang Maghrib sahaja, bahkan hukum sunat ini meliputi semua sembahyang dan waktu makan kerana dikhuatiri akan menghilangkan perasaan khusyu‘.

4. Bersungkai Secara Sederhana

Bersungkailah dengan cara yang sederhana dan mengikut kadar yang tidak berlebihan sehingga perut merasa sangat kenyang. Ini adalah kerana tujuan berpuasa itu adalah untuk mengurangkan kadar pemakanan. Namun makan dengan berlebihan juga, sekalipun dari makanan yang halal, boleh memudharatkan manusia. Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: *“Bekas yang paling buruk diisi oleh manusia ialah perut. Adalah mencukupi bagi manusia itu beberapa suap yang dapat meneguhkan tulang belakangnya. Sekiranya tidak pasti, maka (peruntukkanlah bagi perut) satu pertiga untuk makanannya, satu pertiga untuk minumannya dan satu pertiga untuk pernafasannya.”*

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Imam al-Ghazali *Rahimahullah Ta'ala* dalam kitab *Ihya' 'Ulumiddin* ada berkata: “*Bagaimanakah orang yang berpuasa mendapat faedah berpuasa untuk melawan musuh Allah dan mengalahkan syahwat sekiranya ketika bersungkai dia mengisi perutnya dengan pelbagai macam makanan yang telah ditinggalkannya di siang hari? Sehingga berterusan pula menjadi kebiasaan menghidang dan memakan pelbagai macam makanan di bulan Ramadhan apa yang tidak pernah dihidangkan di bulan-bulan yang lain.*”

Kita perlu mengetahui bahawa maksud berpuasa adalah menahan selera dan mengekang nafsu, agar diri menjadi kuat untuk taat dan bertaqwa kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tetapi kalaulah hanya sekadar mengekang selera nafsu di siang hari hingga ke masa bersungkai, lalu membiarkan nafsu syahwat melonjak-lonjak dengan kemahuannya kepada makanan, dan dihidangkan dengan berbagai makanan yang lazat-lazat, sememangnya nafsu dengan sifat semula jadinya tentulah akan bertambah-tambah keinginannya kepada makanan-makanan itu. Sedangkan ruh puasa dan rahsianya itu ialah melemahkan kekuatan nafsu yang merupakan jalan bagi syaitan untuk menghasut kita kepada melakukan kejahatan. Maka yang demikian ini tidak akan tercapai melainkan dengan bersederhana.

Oleh itu, hendaklah makan malam sebagaimana biasanya ketika tidak berpuasa, kerana jika mengumpul makanan siang ke waktu malam ketika bersungkai (seolah-olah makan dua kali ganda kerana membalas kelaparan di siang hari), maka tidaklah berkesan puasanya.

bersambung